

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenakan caj atau bayaran kepada bank-bank yang menyertai, dengan izin "*Debt Management Program*".

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk menampung kos operasi harian yang diberikan secara percuma kepada orang awam, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenakan caj sebanyak 3% ke atas bank-bank apabila pelanggan mereka menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) atau dengan izin, "*Debt Management Programme*".
2. Untuk makluman Yang Berhormat, AKPK menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan berikut secara percuma kepada orang awam:
 - i. Program pendidikan kewangan untuk membantu orang awam menangani keperluan dan keadaan kewangan pada pelbagai peringkat kehidupan;

- ii. Khidmat Nasihat dan Kaunseling Kewangan (KNKK) kepada peminjam. Ini termasuk kemahiran pengurusan kewangan dan pelan penstrukturan semula pinjaman; dan
- iii. Penstrukturan semula pinjaman di bawah PPK. Untuk tujuan ini, AKPK menyediakan pusat pembayaran setempat (*'one-stop collection centre'*) bagi pembayaran pinjaman yang telah distruktur semula di bawah PPK dan memantau pembayaran balik pinjaman setiap bulan bagi memastikan peminjam sentiasa berdisiplin mengikut PPK serta dapat melunaskan pinjaman dalam tempoh PPK.

3. Ekoran daripada penularan wabak COVID-19, AKPK turut mempergiatkan usaha membantu peminjam individu dalam menstruktur dan menjadualkan semula pinjaman dengan institusi kewangan bagi membolehkan mereka terus membuat bayaran balik pinjaman yang bersesuaian mengikut keadaan kewangan masing-masing. Ini termasuklah Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) yang baru dilancarkan pada bulan Oktober 2021 dengan kerjasama institusi perbankan untuk menawarkan sokongan aliran tunai dan bantuan pembangunan bagi peminjam/pelanggan B50.

Sekian, terima kasih.